

# Azman sebak impian bertemu Dr. Mahathir tercapai

UM 23 JUN 2001

KUALA LUMPUR 22 Jun — Hanya tangisan air mata menggambarkan betapa gembiranya beliau apabila dilawati oleh pemimpin Melayu yang sangat dikasihi setelah sekian lama berharap untuk bertemu.

Bagi seorang insan istimewa, Azman Hasan, 34, yang cacat kedua-dua kakinya akibat penyakit polio, lawatan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad ke Bilik Kedah, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) hari ini sungguh bermakna.

Ini kerana, Azman sejak lebih 10 tahun lalu memang berangan-angan untuk menemui Presiden UMNO itu.

Pertemuan dengan Dr. Mahathir hari ini adalah secara kebetulan apabila Azman turut menderma darah di Bilik Kedah pada program anjuran Biro Tindakan Sivil dan Puteri UMNO itu.

Perdana Menteri telah meluangkan masa kira-kira 10 minit untuk melawat mereka yang menderma darah bagi mengisi Tabung Darah Negara.

Azman yang ditemui berkata, dia begitu terharu apabila Dr. Mahathir tiba-tiba datang sambil bersalam dan bertanyakan khabar mengenai dirinya.

Menurutnya, dia memang sekian lama berhasrat untuk menemui Perdana Menteri sekadar untuk bersalam dan melihat wajah pemimpin Melayu itu dengan lebih dekat lagi.

Jelasnya, jika sekadar dapat bersalam dengan Perdana Menteri, sudah cukup untuk menunjukkan bahawa pemimpin negara itu amat mengambil berat mengenai dirinya.

Malah kata Azman, setelah dapat bertemu dengan Dr. Mahathir, ia sedikit sebanyak menghilangkan rasa sedihnya sebagai seorang insan yang telah cacat sejak berusia dua tahun lagi.

“Memang sudah lama saya berangan-angan untuk bertemu Perdana Menteri dan hari ini Tuhan telah mengkabulkan doa serta harapan saya itu,” katanya.

Pada lawatan itu, Dr. Mahathir sempat berbual-bual dengan Azman sambil memberikan semangat kepadanya supaya tabah dan terus berusaha.

Azman juga kelihatan tidak dapat menahan sebaknya dan menangis apabila Dr. Mahathir beberapa kali menepuk bahunya sambil memberikan kata-kata perangsang.

Tambah Azman, hasratnya untuk menemui Perdana Menteri adalah kerana pemimpin UMNO itu sejak dulu lagi telah memperjuangkan nasib orang-orang Melayu.

“Apabila mengenangkan nasib saya sebagai orang Melayu yang cacat ini, saya begitu sedih mengenai masa depan saya dan keluarga.

“Tapi saya tahu, Dr. Mahathir akan memperjuangkan nasib orang-orang Melayu termasuk orang seperti saya ini dan isteri saya, Azizah Taib, 32, yang juga cacat,” katanya yang mempunyai dua orang anak berusia tujuh dan empat tahun.

Buat masa ini Azman berniaga di pasar-pasar malam secara kecil-kecilan sekitar Pantai Dalam dan Brickfields.

Jelasnya, keinginan untuk bertemu Dr. Mahathir adalah kerana pemimpin UMNO itu sering menunjukkan kesungguhan dalam memperjuangkan nasib masyarakat Melayu.

“Saya doakan Dr. Mahathir dapat terus memimpin negara ini demi kepentingan bangsa Melayu,” katanya sambil menitikkan air mata.